



Bil. 7



AT-TAQWA

Diterbitkan Oleh : JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

التقوى

RABIUL AWWAL 1426H

April 2005M

web : mufti.selangor.gov.my

emel : mufti_sel@selangor.gov.my



ISI KANDUNGAN

HIJRAH : TRANSFORMASI KEBIJAKSANAAN SEJARAH..... 04

TADBIR URUS DALAM EKONOMI ISLAM.....09

AKTIVITI JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR..10

KEPUTUSAN FATWA.....12

ASTROLABE.....18



Perutusan

**Sahibus Samahah
Dato' Seri Utama Diraja
Mufti Negeri Selangor**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته .

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, Tuhan yang memiliki semesta alam, selawat dan salam untuk Junjungan Besar kita Nabi Muhammad S.A.W, seterusnya kepada para sahabat serta tabien yang sentiasa mengikuti jejak langkah Baginda S.A.W hingga ke hari penentuan.

Amanah merupakan satu perkara yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Ia menentukan masa hadapan sesebuah masyarakat. Semua peranan yang dimainkan oleh setiap individu berkisar di sekitar amanah yang telah diletakkan ke atas dirinya. Ia bermula daripada kedudukan manusia sebagai hamba Allah S.W.T. dan fungsi sebagai khalifahNya. Tanggungjawab manusia sebagai hamba Allah ialah patuh, taat dan tunduk kepadaNya. Tanggungjawab manusia sebagai khalifah pula ialah membangun, memakmur dan melaksanakan islah di bumi ini mengikut kehendak dan tuntutan yang terkandung dalam syariat dan ajaranNya seperti yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W.

Sebagaimana lazimnya pada setiap awal tahun, kita akan menanam azam yang baru. Saya berkeyakinan bahawa masih belum terlambat lagi untuk kita sama-sama bertekad dan membulatkan keazaman sempena tahun 1426 Hijrah yang baru menjelang tiba, bukan sekadar menyambutnya semata-mata malah menjadikannya salah satu cara untuk memperbaiki diri. Kita hendaklah menilai kembali kualiti ibadah yang telah kita lakukan. Dalam usaha mencari kesenangan dan kemewahan kita tidak boleh keterlaluan sehingga lupa kepada matlamat hidup untuk beribadah dan menghambakan diri kepada Allah S.W.T.

Hijrah atau perpindahan merupakan sunnah para nabi dan rasul. Jika terus diamati dan diteliti, umat Islam pada hari ini yang berada dalam era globalisasi dan hidup dalam dunia tanpa sempadan, seharusnya mengambil iktibar serta mendalami konsep peristiwa hijrah itu sendiri bagi memantapkan lagi keimanan dan jati diri. Umat Islam seharusnya mengambil peluang dengan adanya kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi dalam meluaskan lagi syiar Islam di serata dunia. Semua ini akan membantu mengembalikan kegemilangan tamadun Islam seperti-mana yang termasyhur pada suatu masa dahulu.

Semoga segala usaha yang dilakukan ini akan mendapat keberkatan dan keredhaan dari Allah S.W.T di dunia dan akhirat, amin!.

KEJUJURAN DAN KTEKUNAN

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Sahibus Samahah
Dato' Setia Hj. Mohd. Tamyas B. Abd. Wahid
Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor

PENASIHAT

Sahibus Samahah
Dato' Hj. Abdul Majid B. Hj. Omar
Timbalan Mufti Negeri Selangor

KETUA PENGARANG

Tuan Hj. Zainal Abidin B. Sulaiman

KETUA EDITOR

Encik Mohammad Nabil B. Dato' Hj. Abu Naim

SIDANG PENGARANG

Ustaz Nurhelmi B. Ikhsan
Encik Abdul Razak B. Johar
Ustaz Hairul Anuar B. Samingan
Ustazah Norzila Bt. Mohd Nor
Ustaz Abdul Latip B. Ibrahim

SIDANG EDITOR

Puan Rosidah Bt. Saubiran
Cik Umi Sofiah Bt. Saad
Puan Norhidah Bt. Kampol

PENULIS JEMPUTAN

En. Mazilan B. Musa
Pengarang, Bahagian Penyelidikan dan Penerbitan
Institut Integriti Malaysia (IIM)

GRAFIK

Encik Mohd. Aasri B. Ab. Razak

JURUTAIP

Ustazah Norhazanah Bt. Sarlan
Puan Nur Washifaiha Bt. Radzuan

EDARAN

Encik Abdul Hamid B. Arasat
Encik Khalid B. Abdul Hamid
Tuan Hj. Zasali B. Mohd. Yunus
Encik Amiruddin B. Hamzah
Mohd Hanif B. Mohd Arip

SISIKANDUNGAN

PERUTUSAN MUFTI, SIDANG REDAKSI	2
JABATAN MUFTI PADA ABAD KE 21	3
HIJRAH : TRANSFORMASI KEBIJAKSANAAN SEJARAH	4
PERBEZAAN TARIKH SAMBUTAN AIDUL ADHA ANTARA MALAYSIA DAN ARAB SAUDI	6
TADBIR URUS DALAM EKONOMI ISLAM	9
AKTIVITI JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR	10
KEPUTUSAN FATWA NEGERI SELANGOR	12
ISU DAN PERMASALAHAN SEMASA	13
ANDA BERTANYA JABATAN MUFTI MENJAWAB	15
ASTROLABE	18
PENENTUAN ARAH KIBLAT	19



JABATAN MUFTI SELANGOR PADA ABAD KE 21

Oleh : **Encik Abdul Razak B. Johar** (Bahagian Pentadbiran dan Kewangan)

PELANCARAN LOGO JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR DAN BUKU "PROSIDING MULTAQQA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH"

Pada 8 Mac 2005, Bangunan Sultan Idris Shah yang menjadi mercu tanda pentadbiran Islam Selangor telah mencatat sejarah apabila ianya sempurna dirasmikan oleh D.Y.M.M. Sultan Selangor. Bersempena majlis tersebut D.Y.M.M. Sultan Selangor berkenan melancarkan logo Jabatan Mufti Negeri Selangor dan Buku "Prosiding Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah Dan Seminar Selangor 2005: Model Islam Sebuah Ekonomi Maju" yang diterbitkan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor.

MENGIRINGI D.Y.M.M. SULTAN SELANGOR MENUNAIKAN FARDHU HAJI

S.S. Dato' Setia Haji Mohd. Tamyas bin Abd. Wahid, Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor berserta 9 ahli rombongan telah mengiringi D.Y.M.M. Sultan Selangor menunaikan fardhu haji ke Makkah al-Mukarramah pada 12 hingga 29 Januari 2005. Semoga ibadah haji yang dikerjakan itu akan dianugerahkan oleh Allah S.W.T. sebagai haji mabrur. InsyaAllah.

ANUGERAH PENGURUSAN KEWANGAN NEGERI SELANGOR 2004

Jabatan Mufti Negeri Selangor sekali lagi telah menerima Anugerah Insentif Bagi Kategori C di dalam Anugerah Pengurusan Kewangan Negeri Selangor tahun 2004. Di samping itu, Jabatan ini turut menerima hadiah wang tunai berjumlah RM3,000.00. Adalah diharapkan Jabatan ini akan terus berusaha dengan lebih gigih lagi bagi memantapkan pengurusan kewangan di masa akan datang.

LAWATAN KERJA KE BALAI CERAP AL-KHAWARIZMI, TANJUNG BIDARA MELAKA

Ahli Jawatankuasa Falak Negeri Selangor telah membuat satu lawatan kerja ke Balai Cerap Al-Khawarizmi, Tanjung Bidara Melaka pada 29 Disember 2004. Lawatan ini diketuai oleh Y.B. Prof. Dr. Amran Kasimin, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Belia dan Mesra Rakyat dengan tujuan melihat sendiri struktur pembinaan Balai Cerap Al-Khawarizmi dan mengetahui aktiviti-aktiviti yang dijalankan sebagai pusat pendidikan, penyelidikan dan astro-pelancongan. Hasil dari lawatan ini, Ahli Jawatankuasa Falak Negeri Selangor mengesyorkan kepada kerajaan negeri perlunya dibina Balai Cerap di Negeri Selangor sebagai usaha untuk mengukuhkan lagi ilmu falak syarie di negeri Selangor. Selain daripada itu ia boleh dijadikan pusat penyelidikan IPTA dan IPTS dalam bidang agama dan aero-angkasa.

MENERIMA KUNJUNGAN DARI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pada 17 Disember 2004 Jabatan Mufti Negeri Selangor telah menerima kunjungan seramai 50 orang Ahli Jawatankuasa Masjid dari Negara Brunei Darussalam dalam rangka lawatan kerja mereka ke negeri ini.

PENGANUGERAHAN DARJAH KEBESARAN DAN BINTANG NEGERI SELANGOR

Tahniah kepada S.S. Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor, Dato' Haji Mohd. Tamyas bin Abd. Wahid kerana telah dikurniakan Darjah Kebesaran Dato' Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.S.I.S.) yang membawa gelaran "Dato' Setia" dan juga kepada Ustaz Haji Zainal Abidin bin Sulaiman kerana telah dikurniakan Bintang Perkhidmatan Cemerlang (B.P.C.) pada 11 Disember 2004 sempena Ulangtahn Keputeraan DYMM Sultan Selangor yang ke 59.

MULTAQQA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH DAN SEMINAR "SELANGOR 2005 : MODEL ISLAM SEBUAH EKONOMI MAJU"

Sempena Ulangtahn Keputeraan DYMM Sultan Selangor yang ke 59, Kerajaan Negeri Selangor dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri Selangor telah menganjurkan Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah dan seminar "Selangor 2005 : Model Islam Sebuah Ekonomi Maju" dari 7 hingga 8 Disember 2004. 10 kertas kerja telah dibentangkan. Pensyarah utama telah didatangkan khas dari Mesir. Beliau ialah Y. Bhg. Dr. Maabid Ali Al-Jarhi, President International Association of Islamic Economics (IAIE), Mesir.

PERTUKARAN KAKITANGAN

NAMA PEGAWAI/JAWATAN	BERTUKAR KE	TARIKH
Cik Habibah bt. Mohd. Hussin Pembantu Akauntan Gred W17 - Kontrak.	Pejabat Kesihatan Daerah Klang sebagai Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 - Tetap	1/12/2004
Cik Zarina bt. Mohd. Judi Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S17 - Sambilan.	Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Langat Selangor Pembantu Tadbir Gred N17 - Tetap	16/12/2004

KEMASUKAN KAKITANGAN BARU

NAMA PEGAWAI	JAWATAN	TARIKH
Mohd. Fakhrol Razi bin Mulatusamsi.	Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S17 - Sambilan	03/01/2005
Tuan Haji Mohd Basori bin Umar	Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S44 - Tetap	01/04/2005
Mohd Hanif bin Mohd Arip	Pegawai Hal Ehwal Islam Gred R3 - Kontrak	01/04/2005



HIJRAH : TRANSFORMASI KEBIJAKSANAAN SEJARAH

Oleh : *Ustaz Nurhelmi B. Ikhsan, (Bahagian Istibat)*

Peristiwa hijrah Rasulullah S.A.W. dan para Sahabat ke Yathrib (Madinah), atau pada ketika ini kita memperingatinya sebagai tahun baru Hijrah iaitu pada tanggal satu Muharram setiap tahun, merupakan satu peristiwa yang di dalamnya tersimpan suatu kebijaksanaan sejarah (*sunnatullah*) agar kita sentiasa mengambil hikmah, teladan seterusnya mentransformasikan nilai-nilai dalam ajaran yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W. (*sunnatur-rasul*).

Hijrah atau perpindahan merupakan sunnah para nabi dan rasul. Sejarah telah membuktikan bahawa Nabi Ibrahim A.S. berpindah dari negeri asal baginda kerana enggan tunduk dan patuh kepada Raja Namrud. Demikian juga Nabi Musa A.S. yang meninggalkan Mesir kerana kezaliman Firaun yang angkuh, sombong dan takbur. Peristiwa hijrah juga turut berlaku kepada Nabi Muhammad S.A.W. yang sehingga kini masih diperingati dan dijadikan panduan kepada semua umat Islam.

Semua peristiwa tersebut berlaku bukan kerana para nabi dan rasul berasa takut, terancam dan ingin lari daripada tanggungjawab serta amanah Allah, tetapi kerana ingin memelihara dan mempertahankan risalah dakwah yang telah diwahyukan kepada mereka.

Peristiwa hijrah Rasulullah S.A.W. pada tahun 632 Masihi begitu besar ertinya kepada Islam dan perkembangannya. Secara tidak langsung, ia telah meletakkan satu prinsip atau dasar untuk dihayati dalam membangunkan Islam itu sendiri. Jika terus diteliti dan dihayati, umat Islam pada hari ini yang berada dalam era globalisasi yang menjadikan dunia ini seolah-olah sebuah perkampungan yang tidak mempunyai sempadan, seharusnya mengambil iktibar serta mendalami konsep peristiwa hijrah itu sendiri bagi memantapkan lagi keimanan dan jati diri sebagai umat yang terbaik dalam menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan.

Kemajuan teknologi maklumat dan kecanggihan perhubungan, dapat kiranya membantu usaha-usaha menyebarkan lagi syiar Islam di serata tempat, tanpa mengira masa dan keadaan. Semua ini akan membantu mengembalikan kegemilangan tamadun dan memartabatkan Islam di arena antarabangsa.

Tanggungjawab untuk berdakwah samada sesama Muslim atau kepada bukan Muslim adalah sebahagian daripada tugas setiap individu yang beragama Islam. Untuk menyeru orang lain mendekati dan mencintai Islam, ia bukanlah satu tugas yang mudah. Terlalu banyak halangan dan rintangan yang harus ditempuh. Namun demikian, ia bukanlah sesuatu yang mustahil sepertimana firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

(*Surah An-Nahl - 125*).

Ayat tersebut jelas memandu kita tentang method yang terbaik dan berkesan dalam menyampaikan dan memperkembangkan dakwah Islamiah. Seseorang pendakwah perlu memiliki nilai-nilai murni dan sifat-sifat yang mulia seperti berhikmah, berhemah tinggi dan kesabaran seperti yang dimiliki oleh Rasulullah S.A.W. dan para sahabat yang terdahulu. Tentangan yang diterima daripada golongan kafir Quraisy tidak sekali-kali menggagalkan usaha murni untuk menyebarkan Islam, malah baginda bersama para sahabat berasa lebih bersemangat hingga berjaya mewujudkan sebuah negara Islam yang pertama di Madinah.

Konsep hijrah dalam zaman yang serba mencabar kini, menuntut umat Islam supaya membuat perubahan dan penghijrahan daripada pelbagai aspek seperti fizikal, minda, sikap, hati selain persekitaran dan kepelbagaian keadaan kehidupan. Malah Al-Quran juga menuntut agar kita sentiasa melakukan transformasi sepertimana yang dinyatakan dalam sebahagian ayat 11, Surah Ar-Ra'd yang bermaksud:

Maksud : Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.

Ayat ini jelas menyarankan betapa pentingnya untuk kita membuat perubahan untuk mencapai ke suatu tahap yang lebih baik dan cemerlang daripada apa yang kita capai pada hari ini, yang pasti ia seharusnya membawa kebaikan, kesejahteraan dan keberkatan serta dimanfaatkan bagi kepentingan hidup di dunia dan sebagai bekalan di akhirat nanti.

Dalam pada itu juga, peristiwa hijrah turut mengajak kita bagaimana untuk bermuhasabah, menilai diri, hati dan jiwa serta usaha-usaha untuk memiliki sifat terpuji (mahmudah) seperti ikhlas, sabar, amanah, redha dengan segala ketentuan dan berperibadi mulia. Dalam masa yang sama, menghindari dari sifat-sifat terkeji (mazmumah) seperti riak, sombong dan dengki untuk tidak diamalkan dalam kehidupan. Selain itu, usaha-usaha untuk mewujudkan perpaduan dan persaudaraan dalam hidup bermasyarakat, berbangsa dan bernegara juga perlu menjadi agenda, peranan dan



tanggungjawab bersama untuk dilaksanakan dalam konteks kepentingan umat Islam sejagat.

Di samping itu, kita perlu menyedari bahawa kita sebenarnya adalah hamba kepada Allah S.W.T. tuhan yang Maha agung. Oleh itu, amat wajar bagi kita untuk mengabdikan diri kepadaNya dengan mengikuti segala perintah dan meninggalkan segala laranganNya. Asasnya, apakah kita telah berjaya untuk menzahirkan diri kita sebagai seorang hamba kepada Penciptanya? Bagaimana dengan kualiti ibadah kita pada hari ini? Adakah ketika diserukan laungan azan, kita bersegera untuk menunaikan sembahyang atau ketika itu kita masih lagi leka dan lalai dengan perkara-perkara yang lain.

Marilah kita bersama-sama menilai kembali kualiti ibadah kita pada tahun yang baru sahaja berlalu meninggalkan kita dan bulatkan tekad serta azam untuk memperbaiki seterusnya mempertingkatkan pada tahun yang baru ini.

Kita tidak boleh keterlaluan dalam mencari kesenangan dan kemewahan duniawi sehingga lupa kepada matlamat hidup iaitu untuk beribadah kepada Allah. Dalam pada itu juga, kita tidak boleh dengan hanya mengejar akhirat semata-mata dan mengabaikan kehidupan serta tanggungjawab kita sebagai khalifah di dunia ini.

Rasulullah S.A.W. telah menunjukkan satu contoh yang baik untuk kita teladani bersama. Baginda diutuskan oleh Allah S.W.T. sebagai nabi dan rasul untuk menyampaikan risalah Allah kepada semua umat manusia dengan segala bentuk cabaran dan dugaan yang terpaksa dihadapi sepertimana yang tersurat dalam peristiwa hijrah dan selepasnya. Tetapi dalam masa yang sama, baginda juga merupakan seorang peniaga yang jujur, berjaya dan disegani oleh orang lain. Baginda berniaga untuk mencari sumber rezeki yang halal bagi menampung kehidupan di dunia.

Konsep hijrah dalam era globalisasi membantu kita umat Islam untuk mencipta kejayaan dan mengikut jejak seperti apa yang pernah dan telah ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W. Kejayaan menubuhkan sebuah negara Islam di Madinah, tersebarnya syiar Islam secara meluas, selain kejayaan menyatupadukan pelbagai kaum yang hidup penuh harmoni dan bahagia di bawah payung pemerintahan berteraskan ajaran Islam, adalah sejarah kejayaan peristiwa hijrah yang perlu dimiliki dan dipelopori oleh generasi umat Islam hari ini.

Prinsip dan dasar perjuangan yang dipetik daripada peristiwa hijrah merupakan sumber inspirasi kepada perjuangan dan pembangunan umat Islam sepanjang zaman. Ianya perlu sentiasa disuburkan kerana semakin hari umat Islam semakin terdedah kepada pelbagai cabaran yang kadangkala membuatkan kita leka dan lari daripada matlamat perjuangan yang sebenar. Ini sudah tentu akan meninggalkan impak yang kurang baik kepada imej dan masa depan perkembangan dan pembangunan Islam.

Akan tetapi persoalan yang dicari - apa, di mana dan ke mana arah tuju kita sebagai umat contoh, umat yang terbaik, masih lagi belum terjawab. Terpulanglah kepada kita untuk mencari jawapan tersebut. Bagi yang belum dan masih mencari jawapan, seharusnya kita bangkit daripada lena di siang hari dan janganlah terus melayari mimpi yang merupakan mainan di waktu tidur. Lihatlah dunia sekeliling dan marilah kita membuat satu perubahan yang baru, pada tahun baru 1426 Hijrah yang baru menjelma. Semoga kita akan dapat menempuhi tahun baru ini dengan satu penghijrahan atau perubahan yang lebih baik dan sempurna daripada tahun-tahun yang telah berlalu diiringi dengan doa, iman dan takwa.

Mutiara Kata

- Rasulullah S.A.W. telah bersabda yang bermaksud: *"Jangan kamu beli barang yang sedang ditawarkan oleh saudaramu; jangan kamu pinang wanita yang sedang dipinang oleh saudaramu, melainkan apabila telah diizinkan."*
- Rasulullah S.A.W. telah bersabda yang bermaksud: *"Jika kamu bertiga maka janganlah dua daripada kamu bercakap-cakap meninggalkan yang ketiga kerana perbuatan begini akan mendukacitakannya."*
- Rasulullah S.A.W. telah bersabda yang bermaksud: *"Tidak berkumpul di dalam hati seorang manusia antara iman dan dengki"*



PERBEZAAN TARIKH SAMBUTAN IDUL ADHA ANTARA MALAYSIA DAN ARAB SAUDI TAHUN 2005

Oleh : *Ustaz Hairul Anuar B. Samingan* (Bahagian Falak Syarie)

Pada keluaran yang lepas, telah diperjelaskan perbezaan awal puasa dan hari raya di antara Malaysia dan Timur Tengah menurut perspektif syarak dan ilmu falak. Secara asasnya, perbezaan ini adalah bertitik tolak daripada kaedah penentuan awal hijri yang dipraktikkan iaitu :

- Rukyah mutlak(melihat anak bulan).
- Hisab falak (pengiraan).
- Rukyah dan hisab dengan menggunakan kriteria imkanur-rukayah iaitu menggunakan hisab dalam menentukan kebolehnampakkan anak bulan.

Pada keluaran kali ini, akan dibincangkan isu 'Perbezaan Tarikh Sambutan Idul Adha Antara Malaysia Dan Arab Saudi Tahun 2005' sehingga menimbulkan kekeliruan kepada umat Islam melakukan ibadah puasa sunat 9 Zulhijjah, menyambut Idul Adha pada 10 Zulhijjah dan tarikh terakhir ibadah korban boleh dilakukan. Lebih-lebih lagi setelah pengumuman Kerajaan Arab Saudi perubahan tarikh hari wukuf di Arafah daripada hari khamis (20 Januari) kepada hari (Rabu 19 Januari). Ini menjadikan Malaysia lewat sehari menyambut Idul Adha daripada Arab Saudi.


Bagi menjelaskan kekeliruan yang berlaku ini, 2 perkara akan dibincangkan. Pertama, analisa data rukyah dan hasil cerapan yang dilakukan di Bukit Jugra, Banting pada 29 Zulka'dah 1425h (10 Januari 2005). Kedua, salah faham tafsiran hadis 'Al-Hajj Arafah'.

Sebelum perbincangan ini dilanjutkan, kita perlu menerima hakikat bahawa Malaysia mempraktikkan penentuan awal bulan Ramadhan, Syawwal dan Zulhijjah dengan menggunakan kaedah rukyah dan hisab berdasarkan kriteria imkanur-rukayah. Kaedah yang digunakan dalam menentukan Idul Adha yang berpandukan kepada wukuf di Arafah telah dipinda kepada kaedah rukyah dan hisab selaras dengan penentuan awal Ramadhan dan Syawwal mengikut keputusan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Menetapkan Awal Puasa dan Hari Raya Puasa pada 4 November 1991 iaitu 'Hilal dianggap boleh kelihatan apabila kiraan memenuhi salah satu daripada syarat-syarat berikut :

- Ketika matahari terbenam, ketinggian bulan tidak kurang daripada 2° dan jarak lengkung bulan-matahari tidak kurang daripada 3° ;

atau

- Ketika bulan terbenam, umur bulan tidak kurang daripada 8 jam selepas ijtimak berlaku'. (Lihat rajah 1 di bawah)



Rajah 1

- Analisa data rukyah dan hasil cerapan yang dilakukan di Bukit Jugra, Banting pada 29 Zulka'dah 1425h (10 Januari 2005).**

Rukyah dan hisab merupakan suatu tuntutan dan tanggungjawab agama, berdasarkan kepada beberapa dalil dan pendapat ulama'.

- Dalil Al-Quran

قال تعالى: هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسَ
ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا وَقَدَرَهُ مَنَازِلَ لِتَعْلَمُوا
عَدَدَ الْيُسُوفِ وَالْجَسَابُ مَا خَلَقَ اللَّهُ
ذَٰلِكَ إِلَّا بِالْحَقِّ يُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٥﴾

(Surah Yunus: 5)

Maksudnya : "Dialah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang benderang) dan bulan bercahaya, dan Dialah yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu (berpindah-pindah) pada tempat-tempat peredarannya (masing-masing) supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah tidak menjadikan semuanya itu melainkan dengan adanya faedah dan gunanya yang sebenar. Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya (tanda-tanda kebesaran-Nya) satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui (hikmat sesuatu yang dijadikan-Nya)".



قال تعالى: الشَّمْسُ وَالْقَمَرُ بِحُسْبَانٍ

(Surah Ar-Rahman: 5)

Maksudnya : "Matahari dan bulan beredar dengan peraturan dan hitungan yang tertentu".

b) Rasulullah S.A.W. telah bersabda yang bermaksud:

"Apabila kamu melihat hilal, maka berpuasalah dan apabila kamu melihat hilal, maka berbukalah (berhari raya). Apabila hilal itu terlindung daripada pandangan kamu, maka takdirkanlah (hisab) ia".

(Riwayat Imam Muslim)

c) Pendapat Ulama' yang dipetik daripada kitab *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, juzuk pertama m.s.242 menyatakan:

"Apabila hilal ditutupi awan, maka ia kembali kepada hisab yang berdasarkan perjalanan bulan dan matahari, itulah mazhab Mutarrif bin al-Syakhir, beliau termasuk ulama' besar tabiin dan Ibnu Suraij bercerita dari Imam Syafi'i bahawa Imam Syafi'i berkata; orang yang mazhabnya itu mengambil pedoman dengan bintang-bintang dan kedudukan bulan kemudian jelas baginya menurut dalil tersebut bahawa bulan telah boleh dilihat tetapi terlindung oleh awan, maka orang tersebut boleh melaksanakan puasa dan memadailah baginya".

Berikut adalah data kedudukan hilal dan matahari cerapan Zulhijjah 1425h di Bukit Jugra, Selangor yang disediakan oleh Seksyen Geodesi, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia.

Koordinat Geografi

Latitud : 20° 50' 10"

Latitud : 1010° 25' 07"

Berdasarkan data di bawah, pada tarikh 29 Zulka'dah 1425H/10 Januari 2005 (Isnin) matahari dan hilal terbenam sebelum berlaku berlaku ijtimak. Anak bulan hanya dapat dilihat selepas berlaku ijtimak (di mana bulan, bumi dan matahari berada dalam satu garisan). Secara logiknya, anak bulan memang tidak ada pada tarikh tersebut, namun kita dituntut untuk mencerap sebagai memenuhi tuntutan syarak dan memastikan tidak berlaku kesilapan ke atas data rukyah yang digunakan. Setelah 26 tempat cerapan di Malaysia tidak dapat melihat anak bulan pada hari tersebut, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja mengumumkan keesokan hari adalah 30 Zulka'dah 1425H/11 Januari 2005 (Selasa) dan 1 Zulhijjah jatuh pada hari Rabu bersamaan 12 Januari 2005. Oleh yang demikian, Idul Adha(10 Zulhijjah 1425H) jatuh pada hari Jumaat bersamaan 21 Januari 2005.

Bagi menyemak data di atas boleh dipercayai, pada 30 Zulka'dah 1425H/11 Januari 2005 (Selasa) terdapat beberapa negeri yang membuat cerapan hilal Zulhijjah 1425 berpandukan data di atas. Hasilnya, anak bulan berjaya dicerap di Balai Cerap Terengganu oleh pelajar elektif falak KUSZA, pegawai dan kakitangan dari Unit Falak KUSZA serta pegawai dan kakitangan Unit Falak, Pejabat Mufti Negeri Kelantan. Nyata kepada kita bahawa data rukyah sesuatu yang boleh dipercayai dan kriteria imkanurrukyah sesuai dipraktikkan di Malaysia.

	29 Zulka'dah 1425h/ 10 Januari 2005	30 Zulka'dah 1425h/ 11 Januari 2005	1 Zulhijjah 1425h/ 12 Januari 2005
Waktu Ijtimak	20J 03M		
Waktu Matahari Terbenam	19J 22M	19J 22M	19J 22M
Waktu Hilal Terbenam	19J 16M	20J 22M	21J 23M
Tinggi Hilal (2 darjah)	-1J 04M	12J 28M	26J 39M
Jarak lengkung Hilal ke Matahari (3 darjah)	5J 05M	12J 57M	26J 42M
Tempuh Masa Ijtimak Hingga Hilal Terbenam (8 jam)	-0J 47M	24J 19M	49J 20M
Azimut Hilal	2430 09' 30"	2440 45' 31"	2460 46' 21"
Azimut Matahari	2480 07' 22"	2480 16' 26"	2480 25' 54"
Perbezaan Azimut Hilal dan Matahari	-040 57' 52"	-030 30' 55"	-010 39' 33"
Jangka Masa Hilal di Atas Ufuk	-0J 06'	1J 00'	2J 01'



Suasana langit semasa rukyah dijalankan;



Hilal Zulhijjah 1425 yang sempat dirakam

Sementara itu, perubahan tarikh wuquf di Arab Saudi adalah berpunca daripada kesilapan jawatankuasa yang bertanggungjawab memutuskan permulaan bulan Zulhijjah kerana sebenarnya ia bermula pada hari Selasa (11 Januari 2005) dan bukannya hari Rabu (12 Januari 2005). Oleh yang demikian, tarikh Aidiladha (10 Zulhijjah) jatuh pada 20 Januari bukannya 21 Januari sebagaimana di Malaysia. Perubahan yang berlaku ini tidak mengubah penetapan yang dibuat oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja sebelum ini sesuai dengan pendapat Imam As-Syafi'e bahawa rukyah (melihat anak bulan) mestilah tertakluk kepada matla' (tempat terbit matahari dan bulan sesebuah Negara) yang disandarkan kepada hadis Ibnu Umar bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda :

"عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّمَا الشَّهْرُ تِسْعٌ وَعِشْرُونَ ، فَلَا تَصُومُوا حَتَّى تَرَوْهُ ، وَلَا تُفْطِرُوا حَتَّى تَرَوْهُ فَإِنْ غَمَّ عَلَيْكُمْ فَأَقْدَرُوا لَهُ "

(رواه مسلم وأحمد)

(Riwayat Imam Muslim dan Imam Ahmad)

Lantaran itu, kaedah penentuan awal bulan Zulhijjah bagi menyambut Idul Adha ini telah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja kali ke 167 pada 16 Jun 1994 dan pada 10 Mei 1995, kerajaan Malaysia telah mula menyambut Hari Raya Korban (Idul Adha) dengan kaedah ini bersama-sama dengan Negara MABIMS (Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura, sewajarnya dipatuhi kerana penetapan dari pemerintah ini bersesuaian dengan kaedah :

"تَصَرُّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مُنَوَّظٌ بِالْمَصْلَحَةِ "

yang bererti "tindakan pemerintah ke atas rakyat adalah berdasarkan kepentingan umum".

* Bersambung dikeluarkan akan datang...

Mutiara Kata

- Rasulullah S.A.W. telah bersabda yang bermaksud: "Sesiapa yang sentiasa beristighfar maka Allah akan menjadikan baginya setiap kesusahan itu ada jalan keluar dan pada setiap kesempitan ada cara mengatasinya serta memberikan rezeki kepadanya daripada sumber yang tidak disangka-sangka."
- Rasulullah S.A.W. telah bersabda yang bermaksud: "Seseorang yang terbiasa dengan meminta-minta, dia akan datang pada hari kiamat tanpa secebis daging pun di wajahnya."



TADBIR URUS DALAM EKONOMI ISLAM

Oleh : **Encik Mazilan Bin Musa**, (Pengarah, Bahagian Penyelidikan dan Penerbitan, Institut Integriti Malaysia (IIM))

Pendahuluan

Malaysia ingin menjadi sebuah negara maju mengikut acuan sendiri menjelang tahun 2020 di mana terdapat keseimbangan di antara pembangunan jasmani dan rohani. Inilah yang dimaksudkan dengan Islam Hadhari oleh YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia. Matlamat ini sedia digariskan di dalam Cabaran Ke Empat Wawasan 2020 iaitu untuk "membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur."

Cabaran di atas juga menjadi objektif umum kepada Pelan Integriti Nasional (PIN) yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 23 April 2004. Dewan Bahasa dan Pustaka mentakrifkan integriti sebagai "pematuhan prinsip moral".

Oleh itu, dalam keghairahan membangunkan ekonomi diri dan keluarga, umat Islam di negara ini perlu memastikan supaya setiap aspek kegiatan ekonomi mereka berlandaskan kepada pematuhan akhlak dan adab yang bersesuaian dengan Islam. Ini jelas dinyatakan dalam sasaran ketiga PIN iaitu untuk meningkatkan tadbir urus korporat. Walau bagaimanapun, tidak pula bermakna bahawa tadbir urus yang baik hanya ditujukan kepada syarikat-syarikat besar sahaja. Ia patut menjadi amalan kepada semua bentuk perniagaan, kecil dan besar.

Pengukuhan tadbir urus dalam urusan ekonomi

Secara umumnya tadbir urus baik boleh ditakrifkan sebagai pendekatan menjalankan perniagaan yang menegakkan keadilan untuk semua pihak yang berkepentingan. Adil kepada pemegang saham, pengguna, masyarakat umum dan sebagainya.

Seorang usahawan mempunyai tanggung jawab supaya orang yang menyediakan modal perniagaannya mendapat pulangan setimpal daripada pelaburan yang dibuat. Itu baru adil namanya. Hatta, langkah untuk menggunakan sumber pembiayaan bebas riba' juga bertujuan untuk menegakkan keadilan kerana riba' menindas peminjam.

Seorang usahawan juga perlu memastikan supaya pengguna mendapat produk atau perkhidmatan yang terbaik, mengikut spesifikasi yang dijanjikan dan setimpal dengan nilai wang yang dibelanjakan. Sebagai contoh, memastikan supaya timbangan tepat dan betul. Prosedur untuk memastikan supaya produk yang dihasilkan halal dan tayyib juga merupakan usaha supaya keadilan dapat diberi kepada pengguna.

Seorang usahawan juga perlu memastikan supaya kegiatan perniagaannya tidak menyumbang kepada pemusnahan dan pencemaran alam sekitar. Ini akan

memastikan supaya anggota masyarakat dapat terus menikmati cuaca yang tidak terlalu panas, udara bersih tanpa jerebu, dan air sungai yang bersih. Pengusaha mendapat laba dan dalam masa yang sama, masyarakat terus menikmati suasana yang selesa. Itu baru adil namanya.

Daripada contoh di atas, jelas ditunjukkan bahawa tadbir urus dalam kegiatan ekonomi ialah untuk memastikan supaya keadilan dapat ditegakkan kepada semua. Ini merupakan sesuatu yang sangat dituntut oleh Islam sebagaimana firman Allah S.W.T. yang maksudnya, (*"Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan janganlah sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan."*) Al-Maa'idah: 8). Tuntutan serupa juga terdapat di dalam Surah An-Nisaa' Ayat 135.

Tadbir urus baik bukanlah sesuatu yang baru dalam pengurusan ekonomi orang Islam. Malahan ia sudah wujud di zaman awal perkembangan Islam lagi. Rasulullah S.A.W. sendiri merupakan insan yang sangat menekankan tadbir urus yang baik dalam menjalankan perniagaan. Baginda mementingkan supaya "penyedia modal" iaitu Siti Khadijah R.A. memperolehi keuntungan dan dalam masa yang sama pengguna tidak ditindas dengan harga yang berlebihan. Dirwayatkan juga bahawa Baginda pernah menegur seorang peniaga yang tidak beretika yang meletakkan bijiran basah di bawah yang kering. Masalah yang dihadapi dalam sistem ekonomi hari ini ialah kerakusan manusia yang keterlaluan sehingga membelakangkan tuntutan agama.

Penutup

Majoriti pengusaha boleh membezakan di antara yang baik daripada yang buruk serta yang adil daripada yang zalim. Isunya, adakah pengetahuan tersebut diterjemahkan ke dalam bentuk amalan. Kepada mereka hayatilah maksud firman Allah S.W.T. yang bermaksud, (*"Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan."*) (Al-Qasas: 77). Semoga kita sama-sama beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.



AKTIVITI JABATAN MU



2



1



3



4



5



6



7

1. D.Y.M.M. Sultan Selangor berkenan melancarkan Logo Jabatan Mufti Negeri Selangor dan Buku "Prosiding Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Dan Seminar Selangor 2005: Model Islam Sebuah Ekonomi Maju" yang diterbitkan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor sempena Majlis Perasmian Bangunan Sultan Idris Shah pada 8 Mac 2005.
2. Antara Tetamu Kehormat yang hadir pada majlis tersebut.
3. Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor membaca doa sempena Majlis Perasmian Bangunan Sultan Idris Shah.
4. D.Y.M.M. Sultan Selangor berkenan melancarkan Buku "Asas Dan Kerangka Perundangan Negara Islam-Malaysia" yang diterbitkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) hasil daripada Seminar Perundangan Syariah yang telah diadakan pada 10 Disember 2003 anjuran bersama Kerajaan Negeri Selangor dan IKIM dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri Selangor.
5. Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor menyebarkan cenderamata kenangan kepada D.Y.M.M. Sultan Selangor.
6. Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor memberikan penerangan kepada D.Y.M.M. Sultan Selangor berkenaan cenderamata yang disampaikan.
7. Ahli Panel dalam Forum Bicara Ad-Deen bertajuk "Pembangunan Seimbang: Adakah Kita Menepati Sasaran?" telah diadakan pada 6 Disember 2004 bertempat di Masjid As-Syarif, Meru Klang.

TI NEGERI SELANGOR



8. Jawatankuasa Falak Syarie Negeri Selangor bersama Sahibus Samahah Dato' Mufti Negeri Melaka dan kakitangan Jabatan Mufti Melaka bergambar di hadapan Balai Cerap Al-Khawarizmi, Tanjung Bidara, Melaka.

9. Sahibus Samahah Dato' Mufti Negeri Melaka memberi taklimat kepada Jawatankuasa Falak Syarie Negeri Selangor.

10. Sahibus Samahah Dato' Haji Mohd. Tamyas bin Abd. Wahid dikurniakan Darjah Kebesaran Dato' Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.S.I.S.). (Darjah Kelas Pertama)

11. Ustaz Haji Zainal Abidin bin Sulaiman dikurniakan Bintang Perkhidmatan Cemerlang (B.P.C.).

12. Y.B. Dato' Haji Abdul Rahman Bin Palil, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Belia dan Mesra Rakyat dan Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor bergambar bersama Ahli Jawatankuasa Masjid Kampung Bunut, Brunei Darussalam.

13. Ahli Jawatankuasa Masjid Kampung Bunut, Brunei Darussalam mendengar taklimat Jabatan Mufti Negeri Selangor.

14. Perbincangan dua hala antara Ahli Jawatankuasa Masjid Kampung Bunut dan Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor.





KEPUTUSAN FATWA NEGERI SELANGOR

Oleh : Ustazah Norzila Bt. Mohd Nor, (Bahagian Istibat)

PENGUNAAN PERKATAAN ISLAM PADA NAMA PERTUBUHAN

Pada menjalankan tugas kuasa yang diberikan oleh subseksyen 31(1) dan seksyen 32 Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989, Mufti bagi Negeri Selangor, selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara', membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

- (1) Hendaklah dibenarkan perkataan Islam digunapakai oleh mana-mana organisasi atau pertubuhan yang mahu melaksanakan program-program Islam selama mana ia tidak bercanggah dengan aqidah alhi As-Sunnah Wal-Jamaah dan berdisiplinkan Ilmu, Iman dan Ehsan.
- (2) Walau bagaimanapun, mana-mana orang atau pertubuhan yang menggunakan Islam atau perkataan Islam bagi tujuan mengelirukan masyarakat atau penyelewengan adalah salah dan bercanggah dengan prinsip-prinsip syari'at Islam dan boleh diambil tindakan menurut peruntukan undang-undang yang sedia ada.

Bertarikh 22 Mei 2001

Diwartakan pada 30 Ogos 2001

[Mufti Sel. 500-2; PU Sel. AGM/0007 Jld.2]

PENETAPAN KADAR HAD UMUR ANAK YATIM DI NEGERI SELANGOR BAGI PELAKSANAAN PEMBAERIAN SUMBANGAN HARI RAYA

MENURUT seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [En. 1/2003], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah D.Y.M.M. Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

JADUAL

- (1) Peruntukan wang telah diberikan kepada anak yatim oleh MAIS.
- (2) Peruntukan wang tersebut diambil dari Baitulmal bukan zakat.
- (3) Sebagai sumbangan untuk menyambut Hari Raya.
- (4) Bantuan/sumbangan ini diberikan kepada anak-anak yatim di Negeri Selangor.
- (5) Anak yatim lelaki dan perempuan yang berumur 15 tahun dan belum mencapai umur 16 tahun layak mendapat pemberian sumbangan Hari Raya.

Bertarikh 21 September 2004

Diwartakan pada 7 Oktober 2004

[Mufti Sel. 500-2; PU. Sel. AGM. 0007 Jld. 2]

MASAIL ASNAF GHARIMIN DAN PENYELESAIANNYA

MENURUT seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [En. 1/2003], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah D.Y.M.M. Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

JADUAL

- (1) Takrif Al-Gharimin ialah : mengikut ulama' Mazhab Syafi'i dan Hanbali ialah orang yang berhutang samaada hutang untuk dirinya sendiri atau hutang untuk orang lain dan samaada hutang itu bertujuan untuk melakukan sesuatu kebaikan (taat kepada Allah). Syarat-syarat terhadap gharimin yang perlu mendapat bantuan adalah seperti berikut:
 - (1) Pemohon tidak mempunyai harta atau sumber kewangan yang melebihi keperluan asasinya.
 - (2) Pinjaman yang dibuat di dalam perkara-perkara yang halal dan harus.
 - (3) Wujud keperluan menyelesaikan hutang dengan segera.
 - (4) Wujudnya kemudharatan terhadap diri dan keluarga jika hutang tidak dibayar.
 - (5) Gharimin yang berhutang untuk menyelesaikan permasalahan yang asasi seperti kesihatan, pelajaran di peringkat rendah dan menengah, makanan, tempat perlindungan sementara dan segala hutang untuk meniggikan martabat agama dibantu terus dari peruntukan asnaf gharimin tanpa melihat kepada jumlah hutang yang ditanggung.
 - (6) Gharimin yang berhutang untuk menyelesaikan permasalahan selain dari syarat (5) yang disebut di atas dibantu dari peruntukan asnaf gharimin secara Qardhul Hasan dan wajib menjalani tempoh pemulihan.

Bertarikh 21 September 2004

Diwartakan pada 7 Oktober 2004

[Mufti Sel. 500-2; PU. Sel. AGM. 0007 Jld. 2]



ISU DAN PERMASALAHAN SEMASA

Oleh : *Ustazah Norzila Bt. Mohd. Nor, (Bahagian Istibat)*

HUKUM MENGGUNAKAN SEMULA TANAH PERKUBURAN ISLAM

Isu kekurangan tanah perkuburan Islam di negara kita timbul hasil daripada penelitian terhadap beberapa isu semasa yang dibincangkan dalam akhbar harian negara kita. Masalah yang berlaku ini terutamanya di bandar-bandar besar telah disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan beberapa bulan yang lepas. Pelbagai cadangan dan pandangan untuk mengatasi masalah ini telah dikemukakan oleh orang ramai termasuklah cadangan untuk mengguna semula tanah perkuburan yang lama.

Memandangkan isu ini telah mendapat perhatian ramai, maka satu fatwa telah dibuat untuk memperjelaskan pendirian syara' mengenai perkara ini.

HUJAH DAN DALIL

Kubur dari segi takrifannya merujuk kepada tempat yang digunakan untuk menanam manusia yang telah meninggal dunia.

Kawasan perkuburan menurut Islam adalah tempat yang perlu dihormati. Umat Islam ditegah daripada melakukan perkara-perkara yang boleh menjejaskan adab dan dianggap tidak menghormati mayat di kawasan perkuburan tersebut seperti mendirikan penempatan di atasnya, membina tembok, menggali balik mayat tanpa tujuan dan sebagainya.

Dalam sebuah hadis ada menyebutkan bahawa :

نهى النبي صلى الله عليه وسلم أن يجصص القبر وأن يقعد عليه وأن يبنى عليه وأن يكتب عليه

(رواه الترمذي)

Maksudnya :

"Nabi s.a.w. menegah dari membina tembok di atas kubur, tinggal di atasnya, membuat binaan dan menulis di atasnya".

(Riwayat al-Tarmizi)

Perbuatan menggali balik mayat dari kubur ditegah oleh Islam kerana ia mencarik kehormatan mayat, tetapi dalam keadaan tertentu dan ada tujuan yang munasabah menurut syara' maka ia dibolehkan.

Walaupun begitu, para fuqaha' Islam berselisih pendapat tentang sebab atau tujuan yang membolehkan mayat digali semula, antaranya :

- i. Fuqaha' Hanafiah berpendapat sebab yang membenarkan kubur digali semula ialah apabila ia bersangkutan dengan hak-hak manusia pada kubur atau mayat tersebut seperti tanah kubur tersebut ialah tanah yang dirampas, kain kapan mayat diambil dari kain yang dirampas, ada harta orang lain dalam kubur tersebut atau seumpamanya. Adapun sekiranya hanya bersangkutan dengan hak-hak Allah pada mayat tersebut seperti mayat tidak dimandikan sebelum dikebumikan, tidak disemahyangkan atau seumpamanya maka tidak harus digali semula selepas selesai dikebumikan.
- ii. Fuqaha' Malikiah pula berpendapat kubur boleh digali semula dalam lima keadaan;
 - a. Apabila kain kafan tersebut daripada harta yang dirampas.
 - b. Apabila mayat dikebumikan di tanah milik orang lain tanpa keizinan.
 - c. Apabila terdapat harta orang lain bersama mayat walaupun sedikit.
 - d. Apabila terdapat keperluan (dharurat) untuk mengebumikan mayat lain.
 - e. Apabila wujud keperluan memindahkan mayat berdasarkan syarat-syarat yang dibenarkan.



- iii. Fuqaha' Syafiih pula berpendapat kubur boleh digali semula dalam keadaan dharurat sahaja. Antara dharurat tersebut ialah mayat yang tidak dimandikan sebelum ditanam, mayat yang ditanam di tanah atau bersama pakaian yang dirampas, harta yang terjatuh ke dalam kubur, mayat yang tidak mengadap kiblat, mayat yang ditanam di masjid dan seumpamanya.
- iv. Fuqaha' Hanabilah pula mengharuskan kubur digali semula sekiranya ia dibuat untuk menyempurnakan perkara yang wajib dan untuk tujuan-tujuan yang baik. Antara perkara tersebut ialah mayat yang tidak dimandi atau disembahyangkan sebelum ditanam, mayat yang tidak mengadap kiblat, harta yang terjatuh ke dalam kubur dan sebagainya. (Wazarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiah, al-Mawsuhal-Fiqhiah, Jld. 32, hlm. 252-255)

Ini merupakan pendapat-pendapat fuqaha' Islam tentang hukum menggali balik kubur mayat sebelum reput.

Manakala selepas mayat telah reput (berdasarkan pendapat pakar dalam bidang tersebut) maka tidaklah ditegah menggantinya semula. Bahkan diharamkan (iaitu selepas reput) daripada membuat binaan atau meratakan tanah di atas tanah perkuburan yang diwakafkan kerana ia akan menegah orang lain daripada mengebumikan mayat kerana menyangka kubur tersebut masih baru dan mayat belum lagi reput. Sungguhpun begitu sesetengah fuqaha' berpendapat hal ini dikecualikan kepada kubur-kubur para sahabat Nabi s.a.w. dan orang-orang salih dan terkenal untuk memberi kemudahan kepada orang ramai menziarahinya dan mengambil berkat. (*Muhammad bin al-Khatib al-Syurbaini, Mughni al-Muhtaj, Jld. 1, Hlm. 545*)

Berdasarkan pendapat-pendapat di atas maka bolehlah dibuat kesimpulan bahawa;

- i. Tanah perkuburan mestilah dihormati dan adab-adab yang berkaitan dengannya hendaklah dipatuhi.
- ii. Perbuatan menggali kubur pada asalnya tidak dibenarkan dalam Islam, tetapi sekiranya terdapat sebab-sebab yang dharuri maka ia diharuskan. Hal ini merujuk kepada keadaan mayat yang belum reput.
- iii. Sekiranya mayat telah reput maka tidaklah menjadi kesalahan menggantinya semula untuk tujuan-tujuan yang munasabah.
- iv. Keadaan reput atau tidak mayat ditentukan melalui orang yang pakar dalam bidang berkenaan.

WARTA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

HUKUM MENGGUNA SEMULA TANAH PERKUBURAN ISLAM

MENURUT seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [En. 1/2003], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah D.Y.M.M. Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

JADUAL

- (1) Harus menggali semula tanah perkuburan sekiranya terdapat keperluan yang mendesak atau darurat dengan sebab-sebab tertentu yang diharuskan oleh syara'.
- (2) Harus menggali semula tanah perkuburan setelah dikenalpasti mayat itu telah reput oleh pihak berkuasa untuk digunakan bagi mengebumikan mayat yang baru.
- (3) Tanah perkuburan yang sudah penuh dan tiada kawasan lapang sebagai menambah keluasan tanah perkuburan, maka adalah disarankan bahawa menggunkan semula tanah perkuburan lama dengan cara/kaedah :

Menimbun tanah di atas kubur lama di kawasan tanah perkuburan setinggi 4 kaki. Kaedah ini amat sesuai di tanah perkuburan yang rendah.

Bertarikh 8 September 2004

Diwartakan pada 7 Oktober 2004

[Mufti Sel. 500-2; PU. Sel. AGM. 0007 Jld. 2]



ANDA BERTANYA, JABATAN MUFTI MENJAWAB

Oleh : *Ustazah Norzila Bt. Mohd. Nor, (Bahagian Istisbat)*

Soalan 1

Apakah hukum seseorang yang menggunakan wang 'interest' atau wang bunga yang diberikan oleh pihak bank untuk kepentingan umat Islam?

Jawapan :

Hukum menggunakan wang 'interest' atau wang bunga yang diberikan oleh pihak bank adalah haram kerana ia adalah wang riba yang wajib diserahkan kepada Baitulmal. Penyimpan tidak boleh membelanjakan wang riba itu sama ada bagi tujuan kebajikan secara umum atau khusus. Ini adalah berdasarkan firman Allah S.W.T. dalam surah Ali-Imran ayat 130 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَرْبَاؤَ أَمْثَلِمْ مَضْعَفًا وَآتُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya : **Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-lipat ganda, dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah supaya kamu berjaya.**

(Ali-Imran ayat 131)

Oleh itu, untuk menentukan dengan tepat pengagihan atau penggunaan wang riba itu, hendaklah ia diserahkan kepada Baitulmal sesuai dengan sifatnya sebagai pentadbir harta umat Islam.

Soalan 2

Apakah hukum menggunakan baki wang kutipan derma yang diberikan oleh orang ramai atau kumpulan-kumpulan tertentu untuk satu majlis yang khusus seperti "Majlis Tahlii dan Doa Arwah"?

Jawapan :

Apabila suatu kutipan derma itu dipohonkan daripada orang ramai atau kumpulan-kumpulan tertentu bagi tujuan mengadakan satu majlis yang khusus, maka penganjur hendaklah membelanjakan wang kutipan derma itu bagi tujuan yang berkenaan dengan majlis itu sahaja, tidak bagi perkara yang lain.

Sekiranya pihak penganjur hendak menggunakan lebihan wang derma tersebut untuk perkara lain maka disyaratkan agar mendapat keizinan terlebih dahulu daripada penderma.

Walaubagaimanapun, lebihan wang derma tersebut bolehlah disimpan untuk dibawa ke majlis yang sama pada bila-bila masa.

Soalan 3

Apakah hukum mengenai orang-orang perempuan yang turut sama mengiringi jenazah hingga ke perkuburan?

Jawapan :

Menurut sebahagian besar para ulama' menghukumkan makruh bagi orang-orang perempuan mengiringi jenazah hingga ke perkuburan kecuali jika ditakuti boleh menimbulkan fitnah, maka hukumnya adalah haram. Dalam masalah ini terdapat sebuah hadis yang berbunyi:

عَنْ أُمِّ غَطِيَّةَ قَالَتْ: لُهِيتَا عَنْ اتِّبَاعِ الْجَنَازَةِ وَلَمْ يُعْرَمْ عَلَيْنَا

(متفق عليه)

Maksudnya : **Ummu Atiyah berkata : "Kami ditegah mengikuti jenazah dan tidak digalakkan ke atas kami berbuat demikian".**

(Muttafaq 'alaih)



Soalan 4 :

Adakah benar pendapat yang mengatakan bahawa ibu bapa akan masuk syurga sekiranya terdapat tiga orang anaknya mati semasa kecil?

Jawapan :

Mana-mana pandangan atau pendapat yang sejajar dengan Islam serta mempunyai bukti atau keterangan, maka pendapat itu adalah betul lagi diterima. Begitulah juga dalam masalah ini, kerana berdasarkan kepada keterangan sebuah hadis 'Anas yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari di mana baginda Rasulullah S.A.W. pernah bersabda :

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَتَوَفَّى لَهُ ثَلَاثَةٌ لَمْ يَبْلُغُوا الْحِنْثَ, إِلَّا أَدْخَلَهُ اللَّهُ الْجَنَّةَ بِقَضَلِ رَحْمَتِهِ إِيَّاهُمْ

(رواه البخارى)

Maksudnya : **"Tidak ada manusia di kalangan muslim yang kematian tiga anak kecil yang belum sampai had baligh, melainkan dimasukkan oleh Allah ke dalam syurga dengan limpah kurnia dan rahmat kepada mereka".**

(Riwayat Bukhari)

Dalam hadis tersebut, amat jelas di mana ibu bapa yang kematian tiga orang anak di masa kecilnya akan dimasukkan ke dalam syurga dengan syarat mereka menerima qada' Allah dengan penuh kerelaan dan kesabaran. Selain dari itu, hadis tersebut juga menjadi dalil yang menunjukkan bahawa kanak-kanak yang mati sebelum baligh adalah merupakan ahli syurga dan termasuk juga kanak-kanak orang kafir. Begitulah menurut pendapat Imam Nawawi dan disokong oleh ulama' yang lain.

Soalan 5

Adakah benar pendapat yang menyatakan bahawa tidak mendapat pahala membaca Al-Quran sekiranya tidak diketahui maksudnya?

Jawapan :

Pendapat sedemikian adalah tidak berasas sama sekali. Tidak terdapat sebarang nas di dalam Al-Quran dan hadis yang menyebut demikian, tetapi jika seseorang yang membaca Al-Quran itu memahami maksudnya tentulah lebih baik daripada orang yang tidak mengetahuinya. Dalam hal ini baginda Rasulullah S.A.W. bersabda :

مَنْ قَرَأَ حَرْفًا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ تَعَالَى فَلَهُ بِهِ حَسَنَةٌ وَالحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا, لَا أَقُولُ الْم

حَرْفٌ وَلَكِنْ أَقُولُ أَلِفٌ حَرْفٌ وَلاَمٌ حَرْفٌ وَمِيمٌ حَرْفٌ

(رواه الدارقطني)

Maksudnya : **"Orang yang membaca satu huruf daripada kitab Allah Ta'ala maka baginya dengan membacanya itu satu kebajikan. Dan satu kebajikan digandakannya dengan sepuluh, tidak aku katakan aliflammim itu satu huruf dan tetapi aku katakan alif satu huruf lam satu huruf dan mim satu huruf".**

(Riwayat Dar-Al Qutni)

Mutiara Kata

- Rasulullah S.A.W. telah bersabda yang bermaksud : **"Sesiapa yang mempelajari ilmu yang boleh mendapatkan keredhaan Allah, sedangkan dia mempelajarinya kerana ingin mendapatkan habuan dunia, dia tidak akan dapat mencium bau syurga di hari akhirat kelak."**



Soalan 6

Dalam keadaan-keadaan yang tertentu, bolehkah kita berdoa kepada Allah S.W.T. supaya kita dimatikan dengan segera?

Jawapan :

Sebenarnya berdoa meminta mati itu adalah dilarang kerana ia merupakan sikap orang yang putus asa dari rahmat Allah S.W.T. Bagaimanapun dalam konteks ini, marilah kita sama-sama memahami sebuah hadis Rasulullah S.A.W. seperti berikut :

لَا يَمْتَنِينَ أَحَدُكُمْ الْمَوْتَ لِضَرٍّ نَزَلَ بِهِ فَإِنْ كَانَ لَا بُدَّ مُتَمَنِّيًا لِلْمَوْتِ فَلْيَقُلْ : اللَّهُمَّ أَحْيِنِي

مَا كَانَتْ الْحَيَاةَ خَيْرًا لِي وَتَوَفَّنِي مَا كَانَتْ الْوَفَاةَ خَيْرًا لِي

(متفق عليه)

Maksudnya : *"Jangan bercita-cita oleh seseorang kamu akan mati lantaran kesusahan yang menimpa dengannya, maka seandainya tidak dapat tidak dari bercita-cita untuk mati maka hendaklah ia berdoa : "Ya Allah hidupkanlah aku selagi mana hidup itu lebih baik bagi aku dan matikanlah aku selagi mana kematian itu lebih baik bagi aku".*

(Mutafa'alah)

Soalan 7 :

Bolehkah seseorang itu mengerjakan umrah terlebih dahulu dari ibadat haji?

Jawapan :

Adalah tidak menjadi kesalahan jika seseorang itu mengerjakan umrah lebih dahulu dari ibadat haji. Sedangkan para jemaah haji yang memilih haji 'Tamattuk' semuanya mengerjakan umrah dahulu kemudian diikuti dengan mengerjakan haji. Tetapi haji jenis ini diwajibkan membayar dam kerana mereka mengerjakan umrah dalam bulan haji kemudian mereka mengerjakan haji pada tahun yang sama.

Berhubung dengan keharusan mengerjakan umrah lebih dahulu adalah berdasarkan sebuah hadis di mana Rasulullah S.A.W. bersabda :

الْحَجُّ وَالْعُمْرَةُ فَرِيضَتَانِ, لَا يَضُرُّكَ بَأَيُّهُمَا بَدَأْتَ

(رواه البخاري)

Maksudnya : *"Ibadat haji dan umrah adalah wajib kedua-duanya, tidaklah menjadi kesalahan dengan bahawa engkau memulakan mana-mana di antara keduanya".*

(Riwayat Bukhari)

Mutiara Kata

- Rasulullah S.A.W. telah bersabda yang bermaksud: *"Tanggungjawab bapa kepada anaknya ialah memberikan nama yang baik dan memperelokkan adabnya."*
- *"Dan demi sesungguhnya! Kami telah memudahkan Al-Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?"* Surah Al-Qamar Ayat 17



ASTROLABE

Oleh : Ustaz Abdul Latip B. Ibrahim, (Bahagian Falak Syarie)

Segala kegiatan astronomi umat Islam tidak akan berjaya tanpa alatan khas. Oleh itu, sesuatu ciptaan itu mestilah digunakan serentak dengan situasi yang berkehendakannya. Dalam hal ini, penggunaan astrolabe telah menjadi satu syarat untuk menghasilkan cerapan yang tepat dan cermat bagi kebanyakan sarjana falak Islam silam. Astrolabe berasal dari Yunani, ia berwajah baru apabila dikemaskinikan kembali oleh para sarjana Islam. Filasuf Kristian, Johannes Philoponus menulis satu risalah berkenaannya dalam bahasa Greek manakala biskop Kennesrin, Severus Sebokht dari Nisibis turut menulis di dalam bahasa Syria.

Risalah terawal dalam bahasa Arab mengenai astrolabe hanya dari Masha'allah @ Messahalla (-815 M), astrologis terkemuka dari Baghdad, Iraq yang telah mempengaruhi seorang sarjana Inggeris, Geoffrey Chaucer (1340- 1400 M) pengarang Canterbury Tales. Naskhah asal berkenaan astrolabe dalam bahasa Arab telahpun hilang dan hanya dijumpai dalam versi Latin dan Inggeris. Manuskrip yang masih ada dalam bahasa Arab berkenaan subjek ini ialah melalui Ali bin Isa dan diikuti dengan banyak tulisan dalam bahasa Parsi dan lain-lain.

Salah satu dari astrolabe terawal yang masih kedapatan ialah di Isfahan, Iran dari abad ke-10 M sedangkan contoh-contoh yang lainnya ditemui di India hingga Maghribi. Sesetengahnya seperti timana yang dipunyai oleh Sultan Husayn Syah, Raja Sasanid tidak ada tolok banding dari segi kehalusan seninya. Dalam banyak perkara, kebanyakan astrolabe adalah contoh-contoh keunggulan senireka Islam. Inilah sebabnya kenapa ia berupaya membuka mata Eropah pada abad ke-19 dan di masa kini hingga ditempatkan di muzium-muzium Eropah dan Amerika.

Alat astrolabe ini pada hakikatnya adalah berbentuk unjuran bulatan atau sfera untuk melengkapkannya dengan sudut penuh 360 darjah dan diperkukuhkan oleh lilitan gelang agar dapat digunakan untuk mengukur ketinggian bintang. Sebelah mukanya mempunyai peta bintang bergrid yang boleh diputar. Ini seakan-akan satu komputer analog untuk menukarkan kedudukan bintang yang dalam sistem koordinat ufuk ke posisi sfera cakerawala pada koordinat ekleptik.

Astrolabe begitu popular di Baghdad pada akhir abad ke-9 hinggalah sebanyak 20 orang pembuat alat diperlukan untuk memenuhi permintaan yang cukup tinggi itu. Salah seorang pembuatnya yang dapat direkodkan bernama Ilijyah, anak perempuan kepada

seorang pembuat astrolabe yang kemudiannya mewarisi seni pembuatan tersebut sebagai satu cara bebas mencari nafkah. Di Iran sehingga abad ke-20, astrolabe didapati masih digunakan dan masih ada pewaris bagi seni membuat astrolabe ini. Kita dapat menemui beberapa peniaga astrolabe dengan hasil ukiran dan kerja mereka di tepi-tepi jalan.

Lebih dari satu abad ahli-ahli falak Islam menghadapi masalah bagi meyakini penaja untuk membiayai projek-projek astrolabe. Para penaja tidak dapat membantu menaikkan imej dan nama baik para falaki namun begitu, berdozen jadual bintang yang masih tertera sistem posisi planet menjadi bukti bahawa para falaki sangat berbakat dalam hal keplanetan (planetary) dan menyayangi hasil kerja mereka sendiri.

Falaki Islam menggabungkan bersama pengetahuan matematik semenjak ia digubalkan hinggalah ke tahap membangunkan trigonometri sfera dan algebra. Mereka mengubahsuai trigonometri India kepada

trigonometri berbilang fungsi serta penerbitan jadual-jadual. Mereka menggunakan sistem nombor perenampuluhan yang diasaskan oleh Babylonia purba tetapi turut menubuhkan simbol-simbol India bagi sistem perletakan titik perpuluhan. Dengan cara-cara inilah pengiraan sendiri (*human calculators*) dipraktikkan di mana-mana balai cerap tetapi perhitungan matematik adalah sangat ekstrem terhadap penggunaan waktu, jadi para falaki perlu menggubal lebih banyak kepandaian merekabentuk

"komputer analog" di sepanjang garis peta-peta bintang yang terdapat di muka astrolabe. "Komputer analog" ini akan dapat menyelesaikan masalah-masalah kompleks dan menyingkatkan proses pengiraan.

Satu perkara yang menarik berkenaan pengarang Canterbury Tales, Geoffrey Chaucer; beliau telah menulis cara-cara menggunakan astrolab di dalam bukunya *The Conclusions of The Astrolabe*. Apa yang jelas ialah bahasa yang beliau gunakan amat mirip bahkan ditiru dari paragraf ke-32 buku Masha'allah @ Messahalla, astrologis dari Baghdad itu. Sebenarnya Chaucer telah banyak kali ditanya oleh anaknya, Lewis yang berusia sepuluh tahun tentang cara guna astrolabe, oleh itu beliau telah menterjemahkan petikan tersebut untuk mukaddimah di dalam bukunya. Buku beliau dalam versi bahasa Inggeris itu adalah sangat meluas disebarkan kerana penerangan cara guna astrolabe yang begitu mudah untuk diikuti. Beliau telah menyesuaikan perkataan Arab Al-Mukantar kepada istilah beliau sendiri iaitu Almykanteras yang bermaksud 'bulatan kesamaan latitud'.





PENENTUAN ARAH KIBLAT


28 OGOS 2004 - 08 FEBRUARI 2005

Bil	Nama Masjid / Surau	Tarikh Pengesahan	Latitud	Longitud	Azimut Qiblat
1.	Surau Kompleks Kastam, Wilayah Persekutuan Kelana Jaya	28/10/2004	03° 05' 45.6"	101° 36' 08.6"	292° 34' 6.81"
2.	Surau D' Muara Dorani Marine Park Sg. Hj. Dorani	03/11/2004	03° 38' 18.4"	101° 01' 12.5"	292° 23' 15.9"
3.	Surau Mutiara Damansara	03/11/2004	03° 09' 37.6"	101° 36' 13.4"	292° 32' 14.9"
4.	Surau Sek. Keb. Bukit Belimbing Kuala Selangor	04/11/2004	03° 23' 06.5"	101° 16' 14.2"	292° 28' 35.8"
5.	Masjid Bandar Utama, Batang Kali Hulu Selangor	08/11/2004	03° 27' 30.3"	101° 39' 28.0"	292° 23' 13.8"
6.	Surau Al- Munir, Pangsa Puri Seri Indah, Seri Kembangan	23/11/2004	02° 59' 51.6"	101° 39' 56.7"	292° 36' 22"
7.	Masjid Nurul Ihsan, Tmn. Seri Cheras	24/11/2004	03° 03' 31.3"	101° 45' 52.6"	292° 33' 46.6"
8.	Surau Apartmen Sri Jati, Damansara	24/11/2004	03° 07' 04.7"	101° 34' 29.2"	292° 33' 42.9"
9.	Tanah Perkuburan Islam, Masjid Kg. Kuantan	02/12/2004	03° 03' 17.7"	101° 28' 11.1"	292° 36' 26.8"
10.	Surau Rumah Ihsan	02/12/2004	03° 34' 13.2"	101° 38' 42.5"	292° 20' 6.59"
11.	Surau Sek. Keb. Simpang Empat Sg. Air Tawar	14/12/2004	03° 46' 26.8"	100° 52' 59.1"	292° 20' 22.5"
12.	Surau Lot 18337 Mukim Tg. 12 Kuala Langat	15/12/2004	02° 57' 20.0"	100° 34' 54.1"	292° 38' 18.4"
13.	Masjid Manbael Uloom, Tmn. Cheras Jaya	22/12/2004	03° 01' 35.5"	101° 45' 45.5"	292° 34' 42.4"
14.	Masjid As- Syabab, IKBN Dusun Tua	27/12/2004	03° 08' 04.9"	101° 50' 17.0"	292° 31' 00"
15.	Masjid Ma'muniah Kg. Tali air 13, Sg. Nipah Simpang 5	31/1/2005	03° 37' 06.1"	101° 03' 37.5"	292° 23' 31.2"
16.	Surau Pangsapuri Aman, Seksyen U4 Shah Alam	02/2/2005	03° 10' 51.9"	101° 33' 07.4"	292° 32' 5.93"
17.	Surau GMSB Seksyen 26 Shah Alam	03/2/2005	03° 01' 45.8"	101° 34' 00"	292° 36' 19.9"
18.	Surau Sek.Men. Seksyen 16 Shah Alam	03/2/2005	03° 03' 17.1"	101° 30' 18.2"	292° 36' 8.32"
19.	Surau Kolej Kediaman Wanita 9 UIAM Gombak	08/2/2005	03° 15' 36.0"	101° 44' 09.9"	292° 28' 16.5"

Mutiara Kata

- "Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi membanggakan diri."

Surah Luqman Ayat 18



Sesungguhnya pada
kejadian langit dan bumi:
dan (pada) pertukaran malam
dan siang: dan (pada) kapal-kapal
yang berlayar di laut dengan membawa
benda-benda yang bermanfa'at kepada
manusia: demikian juga (pada) air hujan
yang Allah turunkan dari langit lalu Allah
hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di
bumi sesudah matinya, serta Ia biakkan padanya
dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga
(pada) peredaran angin dan awan yang tunduk
(kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara
langit dan bumi, sesungguhnya (pada semua
itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan
kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, dan
keluasan rahmatNya) bagi kaum yang
(mahu) menggunakan akal Fikiran.

Al-Baqarah 164